

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN
KAWASAN : BATU SAPI
TARIKH : 19 MAC 2018, ISNIN**

SOALAN:

YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cara dan tempoh pembayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah dan penghuni yang terjejas akibat daripada pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengambilan balik tanah bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, namun proses pelaksanaannya dibuat oleh Jabatan Tanah dan Ukur di Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei di Sarawak. Justeru, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah menetapkan tatacara dan garis panduan yang bersesuaian bagi memastikan urusan pengambilan balik tanah dapat dilaksanakan dengan cepat berdasarkan undang-undang tanah di Negeri masing-masing, di samping tidak mengabaikan kepentingan pemilik asal tanah.

Sekian, terima kasih.